

BAB : 5

RANCANGAN TEMPATAN (RT)





5.0 RANCANGAN TEMPATAN

Rancangan Tempatan (RT) adalah dokumen perancangan yang disediakan mengikut keperluan Akta 172 di bawah peruntukan Seksyen 12, 13, 14, 15 dan 16. RT mengandungi peta cadangan dan pernyataan bertulis berkenaan cadangan PBPT yang menterjemahkan dasar dan polisi di peringkat negeri. RT mengandungi apa-apa perkara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang meliputi cadangan bagi memajukan, menggunakan, memperelokkan, memelihara dan menguruskan perancangan penggunaan tanah dalam sesuatu kawasan PBPT.


Keperluan penyelarasan dalam penyediaan pangkalan data geospasial bagi RT adalah penting untuk memastikan keseragaman format dan memudahkan integrasi maklumat di antara setiap rancangan pemajuan. Penyelarasan ini memudahkan carian *folder* dan lapisan data (*layer*).


5.1 STRUKTUR PANGKALAN DATA RT

Struktur Pangkalan Data RT ialah kaedah sistematik untuk menyusun dan mengurus pelbagai jenis data dalam konteks RT. Struktur ini bukan sahaja merupakan kaedah penyimpanan data, tetapi juga bertujuan memudahkan penggunaan dan pengambilan data semasa dan setelah kajian selesai secara efektif.

Merujuk pada Rajah 5.2 Struktur Pangkalan Data RT, pengguna perlu menyediakan tujuh (7) *folder* dalam pangkalan data RT berkaitan. Nama *folder* adalah merujuk kepada metadata yang disediakan seperti di Rajah 5.1 (contoh: 01_KADASTER). Semua lapisan data yang disediakan perlu dimasukkan ke dalam *folder* berkaitan. Penambahan sub-*folder* adalah dibenarkan sekiranya terdapat data yang tidak boleh dikategorikan di dalam *folder* sedia ada mengikut kesesuaian.

Rajah 5.1: Penyediaan 7 Folder dalam Pangkalan Data RT





Rajah 5.2 : Struktur Pangkalan Data Rancangan Tempatan

5.1.1 NAMA LAPISAN DATA GUNA TANAH

Bagi rancangan tempatan, terdapat dua (2) kaedah penamaan lapisan data sama ada mengikut daerah atau penamaan mengikut PBT.

a) Penamaan Lapisan Data Mengikut Daerah

Lapisan data bagi guna tanah semasa, komited dan zoning sama ada dalam format MapInfo (.tab), ArcGIS (.shp) atau QGIS (.shp) perlu dinamakan mengikut format nama yang ditetapkan seperti pada Jadual 5.1 dan 5.2. Nama lapisan data hendaklah menggunakan kod seperti berikut:


1. Kod Kategori Guna Tanah	: G – Semasa Z – Zoning K – Komited
2. Kod JUPEM Negeri	: 01 – Johor 02 – Kedah 03 – Kelantan 04 – Melaka 05 – Negeri Sembilan 06 – Pahang 07 – Pulau Pinang 08 – Perak 09 – Perlis 10 – Selangor 11 – Terengganu 14 – W.P. Kuala Lumpur 15 – W.P. Labuan 16 – W.P. Putrajaya
3. Kod JUPEM Daerah	: 10 – Daerah Maran 04 – Daerah Kerian 03 – Daerah Kluang
4. Kod Tahun Data Disediakan	: Contoh: 19 – 2019 22 – 2022
5. Kod Sesi Pengemaskinian	: Jan-Jun (01), Jul-Dis (02)

Jadual 5.1: Kaedah Penamaan Lapisan Data Mengikut Maklumat Data (Mengikut Daerah)

Perkara	Keterangan	Kod	Nama Lapisan Data
Guna Tanah	Semasa	G	<u>G</u> 0 1 0 3 2 3 0 2
Negeri	Johor	01	0 1
Daerah	Kluang	03	0 3
Tarikh Data Akhir Dicerap	12/8/2023	23	2 3
Sesi Pengemaskinian	Jul-Dis	02	0 2

Nama lapisan data selain guna tanah (semasa, zoning dan komited) boleh merujuk kepada metadata RT yang terkandung di lampiran (muka surat **L1-1 hingga L1-87** bagi maklumat metadata RT).

Rajah 5.3: Contoh Penamaan Lapisan Data Rancangan Tempatan Mengikut Maklumat Data



PERKARA	: GUNA TANAH SEMASA
LAPISAN DATA	: G (KOD NEGERI, KOD DAERAH, TAHUN DATA, DATA DIKEMASKINI) CONTOH : G11062202
METADATA PENERANGAN	: Guna tanah semasa kawasan kajian dalam bentuk poligon
FORMAT	: .tab/ .shp
SISTEM UNJURAN	: GDM2000 / Peninsula RSO (Contoh: GDM2000 / Perak Grid)
SUMBER DAN TAHUN	: Nyatakan sumber data dan tahun (Kajian RT Sepang, 2016)
BENTUK	: Poligon (Polygon)/ Titik (Point)
TARIKH KEMASKINI	: YYYY/MM/DD (Contoh : 2025/07/05)
PENYEDIA DATA	: (Contoh : BMGN/PPZ/PLANMalaysia Negeri/Perunding)

STRUKTUR JADUAL : GUNA TANAH SEMASA

Medan Data	Jenis Perisian			Catatan
	ArcGIS	MapInfo	QGIS	
UPI	Text_16	Character_16	String_16	Unique Parcel Identifier (UPI) berdasarkan National Digital Cadastral Database (NDCDB)
gtn1	Text_50	Character_50	String_50	Jenis guna tanah 1
gtn2	Text_50	Character_50	String_50	Kategori guna tanah 2
gtn3	Text_150	Character_150	String_150	Perincian aktiviti guna tanah 3
nama	Text_150	Character_150	String_150	Nama Khas (Contoh: Sek. Ren. Seksyen 13, Shah Alam)
status	Text_150	Character_150	String_150	Status tanah/ bangunan contoh : tanah lapang warta/rumah mampu milik
kemaskini	Date	Date	Date	Tarikh pengemaskinian dijalankan bagi mana-mana lot yang terlibat dengan perubahan
luas_h	Double_12,4	Decimal_12,4	Real_12,4	Luas dalam unit hektar
fcode	Text_6	Character_6	String_6	Kod fitur berdasarkan MS1759:2025 (DD1000-semasa)
kod_gtn	Text_7	Character_7	String_7	Kod guna tanah 3
negeri_id	Text_2	Character_2	String_2	Merujuk kepada Malaysia Standard MS1759:2024 (DD1000-semasa)
daerah_id	Text_4	Character_4	String_4	Gabungan kod Negeri dan kod Daerah yang disediakan oleh JUPEM

b) Penamaan Lapisan Data Mengikut PBT

Lapisan data bagi guna tanah semasa, komited dan zoning sama ada dalam format MapInfo TAB/.tab (MapInfo) dan *shapefile/.shp* (ArcGIS dan QGIS) perlu dinamakan mengikut format nama yang ditetapkan seperti pada Rajah 5.2. Nama lapisan data hendaklah menggunakan kod seperti berikut:

1. Kod Kategori Guna Tanah	:	G – Semasa Z – Zoning K – Komited
2. Kod JUPEM Negeri	:	01 – Johor 02 – Kedah 03 – Kelantan 04 – Melaka 05 – Negeri Sembilan 06 – Pahang 07 – Pulau Pinang 08 – Perak 09 – Perlis 10 – Selangor 11 – Terengganu 14 – W.P. Kuala Lumpur 15 – W.P. Labuan 16 – W.P. Putrajaya
3. Singkatan Nama PBT	:	MDB – Majlis Daerah Besut MPKB – Majlis Perbandaran Kota Bharu MBI – Majlis Bandaraya Ipoh
4. Kod Tahun Data Disediakan	:	Contoh: 19 – 2019 22 – 2022
5. Kod Pengemaskinian Data	:	Jan-Jun (01), Jul-Dis (02)

Jadual 5.2: Kaedah Penamaan Lapisan Data Mengikut Maklumat Data (Mengikut PBT)

Perkara	Keterangan	Kod	<u>Nama Lapisan Data</u> G 0 8 M B I 2 3 0 1
Guna Tanah	Semasa	G	
Negeri	Perak	08	
PBT	Majlis Bandaraya Ipoh	MBI	
Tarikh Data Akhir Dicerap	12/3/2023	23	
Sesi Pengemaskinian	Jan-Jun	01	

5.1.2 PENGGUNAAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) DALAM PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN

a) Proses Penyediaan RT dan Penggunaan GIS	Dalam proses penyediaan RT, GIS digunakan untuk menyimpan maklumat-maklumat, menganalisa maklumat dan seterusnya mempersembah data untuk laporan dan taklimat.
b) Data Asas Digital	Merujuk kepada data asas yang dinyatakan di dalam Manual Rancangan Tempatan. Data asas digital diperolehi daripada BMGN, PLANMalaysia sebagai panduan bagi penyediaan pelan-pelan data geospasial yang lain.
c) Sistem Rujukan Koordinat (CRS)	Lapisan data digital RT perlu disediakan dengan menggunakan sistem koordinat <i>Geocentric Datum of Malaysia 2000</i> atau GDM2000 (State Cassini/ Peninsular RSO), unjuran pelan 2D di atas muka bumi sebenar.
d) Struktur Pangkalan Data	Merupakan kaedah penyimpanan maklumat untuk memudahkan proses kerja dan juga dapatan kembali maklumat. Setiap lapisan data perlu disusun mengikut Struktur Pangkalan Data yang telah ditetapkan. (Rujuk Rajah 5.2).
e) Pemilihan Perisian GIS	Perisian GIS yang digunakan semasa penyediaan RT hendaklah mengikut persetujuan pasukan kajian.
f) Skop Kerja	Skop kerja sektor GIS meliputi bidang-bidang berikut: • Menyelaras kemasukan dan pengemaskinian data mengikut sektor kajian berpanduan format metadata dan struktur pangkalan data yang telah ditentukan. • Cadangan tambahan lapisan data atau medan data yang baru. • Melaksanakan analisis perancangan kajian sektoral menggunakan perisian GIS. • Mendokumentasikan data dan teknik analisis GIS yang telah digunakan. • Menghasilkan Laporan Pangkalan Data GIS dan Metadata.

5.2 METADATA RT

Metadata didefinisikan sebagai 'maklumat mengenai maklumat geospasial dan aspek penggunaannya'. Ia memberikan penerangan tentang kandungan, format, kualiti, serta jenis maklumat yang tersimpan dalam sesuatu data. Format metadata ini disediakan sebagai panduan kepada pasukan kajian dalam proses pengumpulan, pencerapan, dan penyusunan maklumat secara seragam menggunakan kaedah Sistem Maklumat Geografi (GIS). Maklumat yang diperolehi dapat digunakan untuk analisis serta membantu dalam pembentukan cadangan secara lebih sistematik.

Pasukan kajian juga mempunyai fleksibiliti untuk menambah lapisan data atau medan (field) mengikut keperluan dan kesesuaian kajian, termasuk integrasi data satelit, analisis tambahan dan lain-lain.

Reka bentuk struktur lapisan data yang terkandung dalam pangkalan data RT ini disusun berdasarkan kepada Manual Penyediaan RT, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

(Rujuk Lampiran Muka Surat L1-1 hingga L1-87 bagi maklumat metadata RT)